

09/09/1997

Pererat hubungan Asia-Pasifik: PM (HL)

Zam Zam Omar in Ulan Bator

ULAN BATOR, Isnin - Hubungan rapat antara semua negara Asia-Pasifik penting sebagai jaminan ke arah mewujudkan keamanan dan kestabilan tulen di rantau ini selain bagi memperolehi faedah ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, sebarang percubaan bagi memencil, menyekat atau meminggir mana-mana negara daripada turut mengambil peranan yang sah dalam soal politik dan ekonomi serantau adalah tindakan bertujuan mewujudkan ketidakstabilan.

Negara di rantau ini, tidak kira besar atau kecil, kaya atau miskin mempunyai hak menjalin hubungan rapat sesama mereka. Malaysia, katanya, mengalu-alukan dan menyokong hasrat Mongolia bagi menjalin hubungan yang lebih rapat dengan negara Asia Pasifik termasuk negara di rantau Asia Tenggara.

"Kemajuan ekonomi yang pesat di rantau berkenaan bukan saja menjadi pasaran penting untuk barangan Mongolia tetapi juga sebagai sumber pelaburan bagi negara ini.

"Saya yakin hasrat Mongolia akan diterima baik oleh negara-negara di rantau itu (Asia Tenggara)," katanya berucap pada jamuan meraikan beliau dan rombongan oleh Perdana Menteri Mongolia, M Enkhsaikhan, malam ini.

Dr Mahathir adalah Perdana Menteri Malaysia pertama mengadakan lawatan rasmi ke Mongolia. Beliau sebelum ini dijadualkan melawat negara itu tahun lalu, tetapi ditangguhkan, berikutan pilihan raya di sini.

Mongolia mempunyai penduduk seramai 2.5 juta orang dan antara kegiatan ekonomi utamanya ialah pemprosesan makanan, tekstil, kimia dan simen. Mengenai hubungan dua hala, Perdana Menteri berkata, selain menjalin kerjasama di peringkat kerajaan, kerjasama sektor swasta kedua-dua negara turut ditingkatkan.

Kerana itu, rombongan Malaysia disertai ahli perniagaan yang berminat untuk menerokai peluang perniagaan dan pelaburan di negara ini.

"Saya yakin hubungan yang terjalin antara ahli perniagaan Malaysia dan usahawan Mongolia dalam tempoh lawatan ini, akan membuahkan hasil yang konkrit. Ini kerana sektor swasta mempunyai peranan penting dalam memperluaskan aspek ekonomi dua hala kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, sesuai dengan usaha Mongolia menggalakkan pelaburan asing secara langsung serta penswastaan melalui penawaran insentif dan penyediaan iklim pelaburan menarik, beliau sendiri akan menggalakkan ahli perniagaan Malaysia meninjau peluang pelaburan yang ada.

Antara pelaburan yang digalakkan di sini ialah di sektor pelancongan, pengangkutan, telekomunikasi, perlombongan, perumahan, perumahan dan infrastruktur.

Hubungan kedua-dua negara menempa lembaran baru berikutan lawatan Perdana Menteri ketika itu, Putsagiin Jasrai, ke Malaysia pada Julai tahun lalu.

"Saya berharap lawatan saya ini akan turut menjadi pendorong kepada mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara kita. Saya memang menunggu perbincangan dua hala esok yang mana delegasi kami dapat bertukar pandangan mengenai perkara kepentingan bersama di samping mengenal pasti bidang kerjasama yang dapat memperkukuhkan lagi hubungan kedua-dua pihak," katanya.

Dr Mahathir juga mengalu-alukan pemeteraian Perjanjian Perkhidmatan Udara, Perjanjian Induk Kerjasama Ekonomi, Sainifik, Pendidikan Teknikal

dan Kebudayaan serta Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Saintifik dan Teknikal dalam Penggunaan Minyak Sawit di Mongolia.

Perdana Menteri turut mengimbas kejayaan besar di era kegemilangan Mongolia ketika pemerintahan Chinggis Khaan dan Kublai Khaan yang berjaya mengatasi halangan dan meninggalkan kesan dan tidak boleh dilupakan dalam sejarah tamadun manusia.

"Lawatan saya jatuh pada hari ulang tahun ke-26 terjalinnya hubungan diplomatik Malaysia-Mongolia. Dalam jangka masa itu, kita menyaksikan peningkatan beransur-ansur dalam hubungan dua hala kita.

"Sekarang kita sudah bersedia untuk memasuki satu peringkat perhubungan yang lebih aktif dan diharap lawatan ini dapat menyumbang ke arah merapatkan lagi hubungan dua negara," katanya.

(END)